

ABSTRAK

Kajian makna slanga yang dijalankan oleh sarjana lepas kebanyakannya cukup berhenti di tahap semantik skrip dan semantik resonans sahaja. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan penerokaan makna slanga berimplisit menggunakan pendekatan semantik inkuisitif (SI) oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Pengkaji cuba menginterpretasikan makna sebenar slanga ini dengan mengambil kira data – transkripsi perbualan di kedai kopi (KK), teori, kognitif, falsafah dan akal budi penuturnya untuk mencapai ke tahap SI. Hal ini demikian kerana tutur kata di kedai kopi ada yang menganggapnya sebagai suatu perbualan yang kosong bagi mengelakkan situasi yang hambar dan janggal di tempat tersebut. Namun, di dalam setiap tutur kata berikut wujudnya suatu makna yang implisit di dalam slanga yang dibicarakan oleh mereka. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan telah mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif. Analisis rangka rujuk silang (RRS) dilakukan terhadap slanga yang mempunyai kesiratan makna daripada 15 data terpilih berdasarkan transkripsi perbualan di KK ini. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna sebenar sesuatu slanga sehingga ke akal budi penuturnya. Dapatan kajian bagi slanga di KK ini antaranya terdiri daripada slanga kedai kopi yang berasosiasi dengan anggota tubuh badan, tumbuh-tumbuhan/buah-buahan, kelakuan manusia dan objek tidak hidup. Dalam masa yang sama penggunaan slanga ini mengandungi bahasa-bahasa figuratif yang masih mampu difahami namun, berselindung di sebalik makna eksplisitnya kerana ada topik yang dibualkan itu dianggap sulit. Oleh itu, perincian makna secara lebih saintifik terhadap tutur kata masyarakat di KK dapat dikemukakan daripada hanya membuat perspektif umum sahaja.

Kata kunci: Slanga, makna implisit, transkripsi perbualan, semantik inkuisitif, rangka rujuk silang (RRS)

ABSTRACT

Most of the previous researches are merely about script semantics and resonance semantics. In contrast of that, this research centralizes inquisitive semantics approach by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) which involves the implicit meanings of the coffee shop slang. Researcher investigates the standard meanings of the slang being used by taking theory, cognition, philosophy and also reasoning in count. These aspects are analysed in the transcript obtained from people at the coffee shop. The coffee shop slang appears to be used to prevent boredom and lameness during coffee times. Furthermore, it is believed that these slang words being used comprise of implicit meanings. This is a qualitative study with the aid of inquisitive semantics. Cross frame analysis about implicit meanings was conducted on 15 chosen data from the coffee shop transcript. The combination of cross frame analysis and deep culture understanding could bring out the real/standard meanings of the data. The results of this slang research stands from coffee shop slang which associates with body parts, plants/fruits, human behaviours and also non living things. Although this slang uses figurative languages, yet, they hide their explicit meanings due to sensitive issue. In conjunction with this, the words spoken by people in coffee shops can just be analysed from general perspectives only.

Keywords: *Slang, implicit meanings, speech transcripts, inquisitive semantics, cross frame analysis*